

**TEKS UCAPAN  
YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF  
MENTERI KANAN KERJA RAYA  
SEMPENA HARI PSIKOLOGI KEMENTERIAN KERJA RAYA 2020**

**22 SEPTEMBER 2020**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

Yang Berhormat, Dato' Eddin Syazlee Bin Shith,  
Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Berbahagia, Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia, Datuk Dr. Rose Lena Binti Lazemi,  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan  
Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia, Datuk Badrul Hisham bin Mohd,  
Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pembangunan Kementerian Kerja  
Raya

Yang Berbahagia, Dato' Ahmad Nadzri bin Embong,  
Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Kementerian Kerja Raya

Yang Berbahagia, Dato' Ir. Hj. Mohamad Zulkefly Bin Sulaiman,  
Ketua Pengarah Kerja Raya,

Yang Berbahagia, Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid,  
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Yang Berbahagia, Dato' Ir. Mohd Shuhaimi Bin Hassan,  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Ketua-ketua Jabatan dan hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan inayah-Nya jua kita dapat berjumpa dan berkumpul pagi ini dalam Majlis Sambutan Hari Psikologi KKR bagi tahun 2020.
2. Pertama sekali saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Cawangan Pengurusan Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) selaku penganjur majlis hari ini. Sesungguhnya sambutan Hari Psikologi ini adalah satu usaha kementerian untuk memupuk kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga kerja raya terutama di dalam suasana pandemik COVID-19.

**TEMA HARI PSIKOLOGI KKR 2020 “PSIKOLOGI KETAHANAN DIRI DALAM MENGHADAPI PANDEMIK COVID-19”**

3. Serangan pandemik COVID-19 masih aktif menular dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia. Di Malaysia, kita perlu rasa bersyukur kerana kerajaan sangat serius menangani penularan jangkitan pandemik COVID-19 ini melalui pelbagai

kaedah yang melibatkan semua pihak sama ada kerajaan, swasta, NGO dan persendirian. Apa yang paling penting, kesedaran masyarakat untuk memutuskan rantai COVID-19 ini semakin meningkat dari semasa ke semasa. Pelbagai cabaran sama ada dari aspek mental dan fizikal perlu dihadapi bersama seiring dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya kita sentiasa mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Pada hari ini, Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) menyambut Hari Psikologi peringkat Kementerian bersempena dengan Bulan Kaunseling dan Bulan Kesedaran Kesihatan Mental Sedunia yang bertemakan **“Psikologi Ketahanan Diri Dalam Menghadapi Pandemik COVID-19”**.

4. Tema ini dipilih bagi menyampaikan input berkaitan psikologi ketahanan diri apabila berhadapan dengan isu-isu kontemporari seperti pandemik COVID-19 dan penyesuaian kehidupan dengan norma baharu. Melalui sambutan ini banyak perkara boleh dipelajari bagi menghadapi ancaman COVID-19, antaranya dengan menerapkan nilai-nilai positif dan meningkatkan ketahanan diri kepada warga kerja bagi memutuskan rantai pandemik yang mana ianya telah banyak mempengaruhi kehidupan kita dewasa ini.

## **KESIHATAN MENTAL DAN INDEKS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Dewasa ini pelbagai isu berkaitan kepincangan sosial banyak dilaporkan oleh pihak media sama ada di media cetak atau media elektronik. Isu sosial yang sering dilaporkan adalah seperti peningkatan kes kesihatan mental, bunuh diri, perceraian, keganasan rumah tangga, pembuangan bayi, samun, serangan seksual, buli dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan bahawa kesejahteraan psikologi sangat penting dalam mempengaruhi kesihatan mental dan fizikal seseorang kerana ia berupaya mempengaruhi peranan individu dalam masyarakat bagi membentuk kesejahteraan sosial, kepuasan hidup dan kebermaknaan dalam kehidupan.
  
6. Situasi ini dapat dikaitkan secara langsung dengan kesan ketidaksejahteraan psikologi individu yang mana mereka ini merupakan sebahagian daripada orang disekeliling kita. Justeru, aspek kesejahteraan psikologi perlu dilihat dan diperkasa selaras dengan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan

berprestasi tinggi dan sejahtera. Penerimaan masyarakat terhadap kesihatan mental semakin terbuka berikutan usaha berterusan yang telah dilakukan oleh golongan profesional dalam bidang kesihatan mental dengan memberikan perkhidmatan advokasi kepada masyarakat di luar sana. Keterbukaan masyarakat untuk berkongsi isu-isu peribadi sama ada konflik keluarga, masalah kewangan, isu dalaman sendiri, dan pelbagai isu lain yang dihadapi semasa pandemik COVID-19 ini adalah sangat baik dan berharap mereka sentiasa bersedia tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan secara sistematik dan terapeutik.

7. Melalui Persidangan Psikologi Perkhidmatan Awam ke-23, kerajaan telah melancarkan Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) bagi menilai tahap kesejahteraan psikologi rakyat Malaysia dalam usaha ke arah negara yang sihat dan berprestasi tinggi. Pembangunan IKPM sangat penting kerana ia berupaya menjadi pelengkap indikator kepada elemen Kesejahteraan Objektif iaitu kemakmuran ekonomi dan sosial. Ini kerana ukuran Kesejahteraan Subjektif didapati berupaya memberi perspektif yang lebih luas terhadap kualiti hidup individu atau rakyat berbanding petunjuk ekonomi dan sosial sahaja.

8. Dapatan indeks menunjukkan bahawa rakyat Malaysia masih berada di tahap sederhana dari segi kesejahteraan psikologi dengan skor sebanyak 6.95 daripada 10. Skor ini berdasarkan empat indeks komposit yang terlibat iaitu kesejahteraan sosial, kefungasian psikologi, kepuasan hidup, emosi negatif dan emosi positif. Indeks ini dapat digunakan dalam meningkatkan kesedaran tentang kepentingan impak berkaitan keseimbangan emosi, kefungasian dan potensi individu serta kefungasian sosial terhadap kesejahteraan rakyat dan negara.

**INISIATIF BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
KKR DALAM MEMBENTUK MODAL INSAN YANG PROAKTIF  
DAN CEMERLANG**

9. KKR melalui BPSM telah mengambil inisiatif dengan menawarkan perkhidmatan psikologi secara profesional di Kementerian bagi memastikan tahap kesejahteraan dan kesihatan psikologi warga kerja terjamin. Perkara ini dibuktikan apabila BPSM, KKR telah dianugerahkan penarafan lima (5) bintang dengan pencapaian 95.8% di dalam Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia (SKPPSM) pada tahun

2019, di mana KKR merupakan tiga (3) kementerian terbaik dalam kalangan semua kementerian. Pada tahun 2021, KKR berharap penarafan lima (5) bintang dapat dikekalkan bagi meneruskan prestasi yang cemerlang oleh warga kerja raya.

10. Sehubungan dengan itu, BPSM mewujudkan inisiatif baharu bagi merealisasikan kesejahteraan psikologi dan pembangunan modal insan terhadap warga kerja dengan mewujudkan Pusat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berteraskan Psikologi yang bertempat di tingkat 10 dan Pusat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berteraskan Latihan di tingkat 12 Blok B Kementerian Kerja Raya.
  
11. Perluasan perkhidmatan psikologi menjadi faktor kepada kewujudan inisiatif ini agar perkhidmatan psikologi diwujudkan secara berpusat dan komprehensif. Pusat ini menawarkan pelbagai perkhidmatan dan fasiliti yang selesa kepada warga kerja seperti Bilik Kaunseling Individu, Bilik Kaunseling Kelompok, Bilik-Bilik Terapi Kesihatan, Fizikal, dan Kognitif serta fasiliti-fasiliti lain yang terdapat di dalam pusat tersebut.



12. Pusat berteraskan latihan di KKR juga merupakan inisiatif lain yang dilakukan oleh BPSM dengan menyediakan ruang latihan yang produktif dan selesa serta pelbagai fasiliti yang lebih terbuka dan berwajah baharu. Ruang latihan yang sangat kondusif dapat mewujudkan suasana kondusif untuk warga kerja menjalankan latihan-latihan yang sesuai bagi melahirkan warga kerja yang produktif serta berketerampilan tinggi.
  
13. Ini adalah satu usaha baik yang diketengahkan oleh BPSM seiring dengan visi dan misi Bahagian iaitu kearah membangun dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran setiap warga kerja serta menjadi Bahagian yang berupaya merancang, membangun dan menguruskan modal insan yang cemerlang.
  
14. Akhir kata, organisasi yang seimbang dan mempunyai warga kerja yang sejahtera sememangnya terbukti dapat membantu meningkatkan mutu kerja dan kehidupan secara umumnya. Kesedaran dan pengetahuan berkaitan psikologi dan kesejahteraan minda perlu diutamakan dalam mencapai objektif organisasi dan menjana modal insan yang bermutu seiring dengan misi dan visi Kementerian secara khususnya.

15. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan **Sambutan Hari Psikologi Kementerian Kerja Raya Tahun 2020** bertemakan "**Psikologi Ketahanan Diri Dalam Menghadapi Pandemik COVID-19**" dan juga, merasmikan **Pusat-Pusat Bahagian Pengurusan Sumber Manusia berteraskan Psikologi dan Latihan** di Kementerian Kerja Raya. Wabillahitaufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum w.b.t. Sekian, terima kasih.